

Insiden tertukar bayi tinggalkan kesan trauma

Ahli keluarga terbabit perlu elak perbandingan, pertikai perkara sudah tersurat

Kuala Lumpur: Insiden tertukar bayi ketika dilahirkan 20 tahun lalu, dipercayai akibat kecuaihan kakitangan hospital di Kota Bharu, Kelantan, boleh meninggalkan kesan trauma emosi serta mengganggu tingkah laku, bukan sahaja kepada ketiga-tiga mangsa tetapi kedua-dua keluarga terbabit.

Pegawai Psikologi Kanan, Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata semua pihak yang terbabit pasti memerlukan masa yang lama untuk menerima hakikat kejadian itu.

“Jika tiga mangsa berkenaan dan keluarga mereka reda dan positif dengan apa yang berlaku, kesan trauma akan dapat dihadapi dengan lebih cepat.

“Bagaimanapun, saya menasihati mereka mendapatkan khidmat kaunseling bertauliah supaya dapat menyantuni emosi secara praktikal,” katanya.

Beliau mengulas laporan me-

dia sebelum ini mengenai dua keluarga yang terpaksa menghadapi kisah tragis apabila tiga bayi perempuan termasuk sepasang kembar tertukar ketika dilahirkan.

Kejadian itu disedari selepas ketiga-tiga mangsa, Adryani Iwani, ‘kembarnya’ Adryana Irwani dan kembar sebenarnya, Noratirah Husin, masing-masing 20 tahun, menjalani ujian DNA pada September tahun lalu.

Siti Fatimah berkata, paling penting dalam situasi sekarang, keluarga terbabit perlu memastikan orientasi kefungsiannya diri mangsa seperti makan, minum dan komunikasi berjalan seperti biasa.

Katanya, mangsa mahupun ahli keluarga perlu mengelak membandingkan diri antara satu sama lain, mengkritik atau mempertikaikan perkara yang sudah tersurat sejak azali itu.

“Yang terjadi adalah ujian daripada Allah, ada sebab ia berlaku, sama ada untuk kita teladani atau mengelak. Ia juga mungkin satu pengajaran besar kepada pihak yang terbabit, baik dalam soal kepekaan mahupun integriti,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan (Bimbingan dan Kaunseling) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Syed Mohamad Syed Abdullah, percaya kedua-dua keluarga terbabit masih bergelut dengan perasaan terkejut, sedih

Ujian DNA dedah kisah bayi tertukar selepas 19 tahun



Keratan akhbar BH, Isnin lalu.

“Paling penting dalam situasi sekarang, keluarga terbabit perlu memastikan orientasi kefungsiannya diri mangsa seperti makan, minum dan komunikasi berjalan seperti biasa”

Siti Fatimah Abdul Ghani,
Pegawai Psikologi
Kanan, Pejabat
Pendaftar UPM



dan keliru untuk menerima kejadian itu.

“Ini petanda normal (yang boleh dijangkakan) bagi mereka yang menghadapi sesuatu ujian.

“Mereka akan rasa marah, sedih dan akan ada sedikit kemafaan, sehinggalah pada satu peringkat nanti mereka boleh berada pada tahap penerimaan sepenuhnya.

“Sehubungan itu, dalam hal ini, sokongan moral yang kuat daripada pihak di sekeliling amat perlu untuk membantu mereka terus cekal menghadapi tempoh getir itu,” katanya.

Syed Mohamad turut menasihati mangsa supaya menguruskan perasaan terpendam dengan cara baik, termasuk meluahkan kepada adik-beradik, yang boleh menjadi pendengar yang baik.

Pada masa sama, katanya, Adryani Iwani, Adryana Irwani dan Noratirah perlu menjauhi sifat berteka-teki dengan pemikiran sendiri kerana ia boleh menjejaskan kesihatan diri.

“Sesetengah orang yang tidak dapat menerima hakikat, akan berterusan menangis dan murung, ada sesetengah pula yang terkejut dengan apa yang berlaku, tetapi jauh di sudut hati, mereka dapat menerima keadaan ini kerana ada kekuatan *resilience* atau daya tahan dalam diri,” katanya.

BERNAMA